

08/08/1997

Menyepuh kekentalan kerjasama anggota Asean

SOALAN: Apakah tanggapan Datuk Seri mengenai Asean, kejayaan dan kegagalannya sepanjang 30 tahun lalu dan harapan serta wawasan Datuk Seri untuk 30 tahun akan datang?

Dr Mahathir: Pertamanya, saya harus akui bahawa semasa Asean dibentuk, saya tidak terlalu menaruh harapan yang ia akan berjaya. Terlalu banyak perselisihan antara pihak yang memasuki perjanjian itu...perselisihan besar. (Saya berpendapat) tidak mungkin mereka boleh bekerjasama tetapi kini saya harus akui saya silap.

Walaupun menghadapi kesukaran pada awalnya, pemimpin Asean dapat mengatasinya dan menjadikan Asean satu kejayaan, bukan saja dari segi kerjasama ekonomi, yang memang pun bukan objektif utama Asean ketika itu. Tujuan utama Asean ialah bagaimana untuk menyelesaikan masalah antara jiran. Terdapat semacam satu ketegangan, perbezaan pendapat (di kalangan negara anggota) tetapi Asean menyediakan satu forum untuk menyelesaikannya. Mungkin tidak sepenuhnya, tetapi sekurang-kurangnya mengurangkan ketegangan itu.

Negara anggota mempelajari antara satu sama lain apakah pendekatan yang terbaik. Sedangkan pada mulanya, mungkin kerana semangat kemerdekaan dan kebangsaan, negara tertentu menolak penyertaan asing dalam ekonomi mereka.

Tetapi terbukti pelaburan asing boleh menyumbang terhadap pembangunan sesebuah negara, semua negara Asean membuka ekonomi mereka kepada pelabur asing dan ini menghasilkan pertumbuhan ekonomi dan seterusnya kemakmuran. Dan dengan pemindahan teknologi, negara Asean sendiri mampu turut serta dalam perindustrian.

Oleh itu, boleh saya katakan sejak 30 tahun lalu, gambaran gelap pada awalnya telah diatasi dan Asean kini muncul sebagai satu daripada perkumpulan serantau yang paling padu di dunia.

Soalan: Sebagai tuan rumah sambutan ulang tahun ke-30 Asean, adakah Datuk Seri kecewa kerana pencapaian "Asean 10" tertangguh?

Dr Mahathir: Memang saya kecewa. Saya tidak menjangkakan ini. Saya ingatkan Myanmar akan menjadi masalah tetapi apa yang terjadi bukannya Myanmar, sebaliknya masalah dalaman Kemboja yang menyebabkannya tidak menjadi negara anggota. Tetapi saya masih berharap perubahan tertentu akan dilakukan supaya ia boleh menjadi sebahagian daripada Asean.

Soalan: Adakah Datuk Seri berpendapat ia boleh dibuat segera?

Dr Mahathir: Kita tidak tahu...tetapi ia tidak mustahil.

Soalan: Ada dakwaan bahawa Asean seolah-olah tidak terdaya membuat sesuatu dalam menghadapi masalah Kemboja.

Dr Mahathir: Tidak, kita tidak pernah sekali-kali berpendapat bahawa Asean boleh campur tangan dalam hal-ehwal dalaman sesebuah negara. Kita tidak pernah berbuat demikian walaupun ketika anggota Asean mempunyai masalah dalaman. Kita tidak pernah campur tangan tetapi mereka menyelesaikan masalah itu sendiri.

Soalan: Dengan kemasukan Myanmar ke dalam Asean walaupun ditentang Amerika Syarikat dan Eropah, adakah Datuk Seri menjangkakan tekanan lebih hebat akan dikenakan terhadap Asean untuk mempercepatkan perubahan di Myanmar?

Dr Mahathir: Sememangnya sentiasa ada tekanan terhadap kita berhubung Myanmar tetapi kita percaya cara terbaik untuk membantu ialah dengan mengadakan hubungan dengan orang, untuk menunjukkan bahawa tiada apa yang harus ditakutkan daripada sikap yang lebih liberal terhadap penduduk.

Akhirnya, saya rasa akan berlaku perubahan tetapi kita tidak boleh terlalu mendesak. Kita tidak boleh mencapai segalanya dalam masa yang singkat.

Soalan: Ada yang menyatakan dasar 'constructive engagement' atau hubungan membina Asean (terhadap Myanmar) tidak begitu berkesan...

Dr Mahathir: Tidak, sebaliknya ia amat berkesan. Anda mungkin ingat bahawa di bawah kerajaan terdahulu sebelum SLORC (Majlis Pemulihan Undang-undang dan Ketenteraman Negara Myanmar) ...kerajaan itu menyendiri (isolationist), ia enggan berhubung dengan sesiapa. Mereka mengamalkan dasar pemencilan tetapi selepas itu...sebahagiannya kerana desakan dalaman tetapi sebahagian lagi hasil hubungan dengan Asean...mereka sudah lihat cara negara Asean membangun memberi harapan kepada Myanmar untuk turut membangun. Oleh itu, mereka sudah banyak berubah. Mereka kini mempunyai hubungan dengan semua orang.

Mereka bersedia menjadi anggota sebuah komuniti sedangkan sebelum ini mereka memencilkan diri. Mereka bersedia menerima pelaburan asing, penyertaan asing dalam ekonomi mereka. Mereka lebih maju kini dan saya tidak nampak bagaimana seseorang itu boleh menyatakan hubungan secara langsung ini tidak membuahkan hasil. Ia sangat berhasil.

Soalan: Tidak dapat tidak, apabila membicarakan soal Asia Tenggara, dibangkitkan ancaman meletusnya persengketaan antara negara yang menuntut Kepulauan Spratly. Adakah Datuk Seri menjangkakan kemungkinan berlaku konflik terbuka, terutama dengan China?

Dr Mahathir: Perselisihan akan berlaku. Mungkin akan wujud ketegangan tetapi konflik, konflik terbuka, ia sesuatu yang saya tidak nampak akan berlaku. Kita boleh berunding dengan China untuk menyelesaikan keseluruhan masalah itu.

Soalan: Apakah kebimbangan Datuk Seri terhadap masa depan rantau ini?

Dr Mahathir: Kita sedang memasuki apa yang disebut sebagai era maklumat dan dunia yang tiada sempadan. Kita perlu membuka ekonomi kita (tetapi) syarikat dan perbadanan kita belum cukup kukuh lagi untuk bersaing dengan syarikat dari luar. Ada bahaya sebenar yang ekonomi kita akan dikuasai sepenuhnya oleh syarikat asing dengan jumlah wang yang banyak dan teknologi yang hebat. Sebagai contoh mereka dengan mudah boleh menguasai industri telekomunikasi kita, tanpa meninggalkan apa-apa untuk kita. Mereka boleh menguasai media kita sepenuhnya, kerana media mereka sangat kuat.

Mereka mempunyai wang. Mereka boleh membeli apa saja (dengan) membuat tawaran yang tidak boleh ditolak. Jadi akhirnya, orang yang kaya dari luar boleh menguasai mereka yang miskin di negara seperti Asean. Kita sudah melihatnya daripada cara (ahli kewangan Amerika Syarikat George Soros) cuba melemahkan Asean (dengan menggugat mata wang mereka). Kita berusaha selama 30 tahun untuk membina ekonomi yang baik.

Rakyat kita menikmati kehidupan yang agak baik tetapi dalam hanya beberapa hari, pendapatan orang yang paling miskin pun dikurangkan. Mereka menjadi lebih miskin sebanyak jumlah kerugian yang kita alami...beribu juta ringgit hilang dalam jangka masa beberapa hari. Sedangkan anda tahu, kita mengambil masa bertahun-tahun untuk membina negara. Jadi inilah yang saya bimbang.

Soalan: Apa yang boleh kita lakukan?

Dr Mahathir: Saya fikir perlu ada definisi tertentu mengenai apa yang ditakrifkan sebagai jenayah antarabangsa.

Sebagai contoh, jika penduduk menanam popi di negara mereka dan kita boleh mengambil tindakan terhadap mereka, walaupun ia bukan dalam negara kita sendiri...misalnya kes Presiden Panama yang ditangkap dan dibawa ke Amerika Syarikat untuk dibicarakan mengikut undang-undang Amerika.

Perlu ada persefahaman antarabangsa bahawa jenayah antarabangsa seperti sabotaj ekonomi hendaklah tertakluk di bawah undang-undang antarabangsa.

Bolehlah kita mengambil tindakan terhadap mereka.

Soalan: Apakah Malaysia akan mengambil sebarang inisiatif ke arah ini?

Dr Mahathir: Kita akan membincangkannya. Saya tahu orang bimbang dan takut kerana ini membabitkan kuasa yang amat berpengaruh, disokong oleh negara yang sangat kuat dan apapun yang kita cuba lakukan, pastinya akan dihalang oleh mereka kerana ia tidak ada kepentingan bagi mereka.

Soalan: Bagaimana Datuk Seri melihat peranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu? Terdapat cadangan supaya kumpulan serantau seperti Asean diberikan kerusi tetap dalam Majlis Keselamatan?

Dr Mahathir: Ya, ia satu idea yang baik jika kumpulan seperti Asean diberikan kerusi tetap dalam Majlis Keselamatan tetapi ia juga harus diberikan kuasa veto supaya kita juga boleh menghalang pihak yang lain daripada melakukan apa yang kita rasakan mendatangkan keburukan kepada kita.

Sebaliknya, kita berpendapat tiada siapapun sepatutnya diberikan sebarang kuasa veto. Ataupun jika kita perlu juga mempunyai veto itu, ia tidak boleh digunakan oleh hanya satu kumpulan.

Soalan: Amerika Syarikat tidak akan bersetuju?

Dr Mahathir: Tentunya mereka tidak akan setuju. Negara besar dan berkuasa tidak pernah bersetuju untuk menyerahkan walau sedikitpun daripada kuasa mereka.

Soalan: Apakah cabaran terbesar Asean dalam dunia yang dikatakan tiada sempadan ini?

Dr Mahathir: Walaupun ia tiada sempadan kita harus ingat bahawa lintasan tidak harus datang hanya dari satu arah. Orang tidak harus mengambil kesempatan daripada keadaan kita yang tidak mempunyai sebarang sempadan untuk datang mengambil apa yang kita miliki, sedangkan kita tidak berkeupayaan untuk mengambil apa yang dimiliki orang lain. Jadi Asean harus awas. Satu-satunya cara Asean boleh bertindak balas ialah dengan bertindak bersama.

Soalan: Malaysia bersungguh-sungguh mempromosikan Koridor Raya Multimediannya (MSC) sementara Singapura mempunyai program Teknologi Maklumatnya sendiri dan begitu juga Filipina. Adakah Datuk Seri meramalkan satu pertemuan atau "convergence" di kalangan negara Asean dalam bidang multimedia ini?

Dr Mahathir: Ya, saya fikir akan ada. Malah MSC sudah membuat peruntukan bagi kerjasama dengan projek serupa di tempat lain. Kita tahu yang kita tidak akan mempunyai monopoli.

Jadi, jika terdapat projek di tempat lain, kita bersedia untuk bekerjasama. Malah kita bersedia bekerjasama dengan negara Eropah. Seperti Hungary misalnya, kita sudah menandatangani satu perjanjian untuk bekerjasama dengan mereka.

Soalan: Adakah Datuk Seri jangkakan satu pertemuan multimedia di Asean yang boleh menjadi contoh kepada rantau lain?

Dr Mahathir: Ia mungkin. Ini kerana Asean adalah lebih padu berbanding kebanyakan perkumpulan lain.

Soalan: Ketika forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) kali pertama diutarakan, terdapat kebimbangan yang ia akan menjadi lebih penting daripada Asean. Adakah ia benar hari ini?

Dr Mahathir: Ya, setakat yang tertentu Apec sudah membayangi Asean. Itu memang tidak dapat dinafikan. Kita menganggotai Apec bukan sebagai satu perkumpulan tetapi sebagai negara individu. Tetapi memang kita tidak boleh mengelakkan Apec kerana ia diwujudkan oleh negara yang berkuasa. Jika kita tidak menyertainya, kita akan terpinggir. - Bernama

(END)